

## 2 calon angkasawan lawat UPM

DUA calon angkasawan, Kapten Dr Faiz Khaleed dan Dr Sheikh Muszaphar

Shukor (kanan) tekun mendengar penerangan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Raja

Noor Zaliha Raja Abdul Rahman mengenai proses penghaburan protein pada lawatan di UPM semalam. Sejumlah 56 peralatan seperti itu akan dibawa ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS)

oleh seorang daripada mereka, bagi menjayakan penyelidikan sains hayat untuk Program Angkasawan Negara.

Penyelidikan yang dilakukan saintis UKM, Universiti Malaya (UM), UPM dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu membabitkan sel, bakteria serta penghaburan protein di angkasa.

4 JULAI 2007 - BERITA HARIAN -

(8)

